



**KIT INFORMASI PROGRAM
PROTÉGÉ READY TO WORK (PROTÉGÉ – RTW)**

(Kemaskini pada : 1 OGOS 2022)

**KIT INFORMASI
PROGRAM PROTÉGÉ – RTW**

No	Butiran	M/S
1.0	Latar Belakang	4
2.0	Program PROTÉGÉ Ready To Work (PROTÉGÉ-RTW)	
	2.1 Struktur Latihan	4
	2.2 Kumpulan Sasaran	7
	2.3 Kategori Pelaksanaan	7
	2.4 Syarat Umum Penyertaan	8
	2.5 Kuota Peserta	9
3.0	Insentif kepada Syarikat	
	3.1 Insentif Potongan Cukai Berganda (DTD)	10
	3.2 Program JaminKerja – Insentif Penggajian Pekerja (Program Perantisan)	14
4.0	Proses Pendaftaran dan Pelaksanaan	
	4.1 Pendaftaran Syarikat Pelaksana	14
	4.2 Manfaat Yang Wajib Disediakan Oleh Syarikat Pelaksana	15
	4.3 Pengelasan Kontrak	15
	4.4 Pengiraan Kuota Peserta	16
	4.5 Penetapan Kuota dan Kelulusan Kontrak	16
	4.6 Pelan Latihan	17
	4.7 Kelulusan Pelaksanaan	17
	4.8 Proses Pengambilan Peserta	17
5.0	Susulan Pelaksanaan	
	5.1 Laporan Pelaksanaan	21
	5.2 Mekanisme Pemantauan Pelaksanaan Program	23
	5.3 Pengeluaran Surat Kod Berwarna (Biru dan/atau Hijau) dan Surat Akuan Insentif (DTD)	25
6.0	Maklumat Tambahan	
	6.1 Carta Alir Proses Pelaksanaan Program PROTÉGÉ – RTW	26
	6.2 Ringkasan perbandingan kategori pelaksanaan	27
	6.3 Surat Rasmi Kod Status Pelaksanaan	27
	6.4 Alamat, Telefon, E-mel dan Platform Media Sosial Rasmi	28

No	Butiran	M/S
7.0	<p>Rujukan</p> <p>Lampiran 1 - Pekeliling Perbendaharaan (PP/PK1.2)</p> <p>Lampiran 2 - Warta Kerajaan P.U. (A) 228, P.U. (A) 260 dan P.U. (A) 53</p> <p>Lampiran 3 - Contoh Surat Akuan Penyertaan DTD</p> <p>Lampiran 4 - Borang Pendaftaran Syarikat</p> <p>Lampiran 5 - Templat Pelan Latihan PP/PK 1.2</p> <p>Lampiran 6 - Templat Pelan Latihan CSR</p> <p>Lampiran 7 - Contoh Surat Tawaran Latihan</p> <p>Lampiran 8 - Templat Laporan Senarai Nama Peserta</p> <p>Lampiran 9 - Templat Laporan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Insaniah (Soft-Skills)</p> <p>Lampiran 10 – Contoh Surat Kod Warna</p>	

1.0 LATAR BELAKANG

Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) merupakan Unit di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 melalui Teras 1: Membudayakan Keusahawanan Dalam Segenap Lapisan Masyarakat serta menyokong aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 melalui Teras 3: Transformasi Modal Insan, PROTÉGÉ melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan potensi kebolehpasaran dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan menganggur dan terbuka kepada pelbagai bidang pengajian.

Antara instrumen penting di bawah PROTÉGÉ adalah untuk meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan menganggur untuk mendapatkan peluang penempatan pekerjaan melalui program PROTÉGÉ - Ready To Work (PROTÉGÉ-RTW).

Program ini melibatkan latihan penempatan dan bimbingan bersama syarikat-syarikat yang mengambil bahagian bagi tempoh 8 hingga 12 bulan. Antara syarikat yang terlibat adalah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat penerima Perolehan Kerajaan, institusi serta syarikat-syarikat swasta.

2.0 PROGRAM PROTÉGÉ READY TO WORK (PROTÉGÉ - RTW)

2.1 **Struktur Latihan**

Tempoh keseluruhan pelaksanaan PROTÉGÉ - RTW adalah antara 8 bulan (minimum) hingga 12 bulan (maksimum) yang terdiri dari 2 komponen latihan utama iaitu:

- a) Latihan Kemahiran Insaniah (*Soft-skills Training*); dan
- b) Latihan di Tempat Kerja (*On-the-Job Training*).

2.1.1 **Latihan Kemahiran Insaniah (*Soft-Skills Training*)**

Tempoh bagi latihan kemahiran insaniah adalah selama 2 minggu (minimum) hingga 2 bulan (maksimum) (**sil**

rujuk pelan latihan syarikat).

Syarikat dikehendaki melaksanakan latihan kemahiran insaniah dalam tempoh dua bulan pertama pengambilan peserta PROTÉGÉ – RTW.

Tujuh (7) modul wajib diterapkan semasa latihan kemahiran insaniah (soft-skills) adalah:

- i. **Kemahiran Komunikasi (*Communication and Networking Skills*);**
 - Melatih peserta menguasai kemahiran asas dalam *Business Communication* menggunakan Bahasa Inggeris sama ada melalui penulisan dan juga percakapan serta kemahiran untuk meluaskan rangkaian kenalan.
- ii. **Pemikiran Kritis dan Kreatif (*Creative and Analytical Thinking*);**
 - Mengasah kemahiran berfikir peserta secara kreatif, kritis serta analitikal dalam membuat keputusan.
- iii. **Profesional Berteraskan Nilai (*Value Driven Professional*);**
 - Membentuk peserta supaya menjadi golongan profesional yang mempunyai nilai positif seperti kepimpinan, integriti serta sentiasa memperbaiki diri dan pasukan.
- iv. **Kebolehan Adaptibiliti dalam Organisasi (*Organizational Adaptability*);**
 - Menyesuaikan peserta dengan persekitaran bekerja secara langsung dalam organisasi termasuk penerapan nilai-nilai positif syarikat.

- v. **Penjagaan Imej, Etika dan Protokol (*Grooming and Etiquette*);**
 - Menambahbaik penampilan peserta mengikut imej korporat serta etika dan protokol di tempat kerja mahupun di majlis rasmi.

- vi. **Keusahawanan 101 (*Entrepreneurship 101*); dan**
 - Memupuk *Entrepreneurial Mindset* dalam jati diri peserta untuk menjadikan peserta lebih proaktif, mengambil risiko, tabah, menyelesaikan masalah secara inovasi, fleksibel dalam bekerja. Ini dapat dilakukan dengan mendedahkan peserta dengan kemahiran asas keusahawanan yang boleh digunapakai di dalam tugas di tempat kerja atau membuka perniagaan sendiri.

 - *e.g. bookkeeping, product knowledge, market research, Business Model Canvas, how to setup a business, e-Usahawan* dan lain-lain.

- vii. **Kelestarian Alam Sekitar dan Kesan Sosial (*Environment Sustainability and Social Impact*).**
 - Menggalakkan peserta menjadi golongan profesional sama ada sebagai usahawan mahupun pekerja yang mementingkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam persekitaran dan hidupan liar serta sentiasa memberi impak positif kepada masyarakat sekeliling dalam apa jua keputusan yang bakal dibuat.

2.1.2 Latihan di Tempat Kerja (On-The-Job Training)

Peserta ditempatkan di syarikat yang mengambil

bahagian dan diberi tugas setara kelayakan, pendedahan pengalaman kerja dengan etika dan cara bekerja yang betul melalui bimbingan daripada penyelia (*mentor/supervisor*).

Jawatan serta tugas yang ditetapkan kepada peserta haruslah setara dengan tahap kelayakan peserta.

2.2 Kumpulan Sasaran bagi pelaksanaan PROTÉGÉ-RTW

KATEGORI PELAKSANAAN	KELAYAKAN
PP/PK 1.2	Graduan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang masih menganggur selepas tamat pengajian dari universiti tempatan atau luar negara.
CSR	Graduan Diploma dan ke atas yang masih menganggur selepas tamat pengajian dari universiti tempatan atau luar negara.

Keutamaan diberikan kepada graduan yang berasal daripada keluarga miskin, berpendapatan rendah, kumpulan B40 dari kawasan luar bandar atau bandar (*rural poor and urban poor*).

2.3 Kategori Pelaksanaan

Dua kategori syarikat bagi pelaksanaan PROTÉGÉ - RTW iaitu:

- a) Syarikat yang menerima Perolehan Kerajaan dan mematuhi Arahan Pekeliling Perbendaharaan (PP/PK1.2) – Pelaksanaan Program PROTÉGÉ dalam Perolehan Kerajaan (**silalah rujuk Lampiran 1**); dan
- b) Syarikat yang melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

2.4 Syarat Umum Penyertaan

2.4.1 Syarikat Pelaksana

- i. Syarikat yang telah berdaftar secara sah dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan-badan yang setara dengannya; dan
- ii. Syarikat yang telah selesai pendaftaran program (Surat Kod Kuning telah diluluskan).

2.4.2 Peserta

- i. Graduan tidak pernah menyertai program PROTÉGÉ – RTW di syarikat pelaksana yang sama (syarikat yang dimohon);
- ii. Warganegara Malaysia yang mempunyai keperibadian positif serta komited;
- iii. Lulusan Institusi Pengajian Tinggi dalam atau luar negara;
- iv. Graduan berkelulusan sekurang-kurangnya Diploma atau Ijazah Sarjana Muda dan ke atas;
- v. Graduan bukan merupakan kakitangan sedia ada yang sedang berkhidmat di syarikat sama ada secara sementara, kontrak atau sepenuh masa; dan
- vi. Graduan perlu menghadiri temu duga yang ditetapkan oleh pihak syarikat sekiranya diperlukan (sama ada secara atas talian, panggilan telefon dan sebagainya). Kegagalan memberi maklum balas atau menghadiri temu duga bermaksud graduan tidak berminat dan tidak memerlukan bantuan melalui PROTÉGÉ. Oleh yang demikian, maklumat peserta akan dikeluarkan dari senarai peserta aktif untuk tujuan suai padan dengan syarikat.

2.5 Kuota Peserta

Penetapan kuota peserta PROTÉGÉ - RTW adalah seperti berikut:

- i. Syarikat yang melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) – jumlah kuota peserta adalah ditetapkan oleh syarikat;
- ii. Syarikat yang menerima Perolehan Kerajaan – jumlah kuota adalah berdasarkan pengiraan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan PP/PK1.2 Pelaksanaan Program PROTÉGÉ dalam Perolehan Kerajaan.
 - a) Syarikat hendaklah memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada nilai kontrak bagi melaksanakan program PROTÉGÉ.
 - b) Syarikat yang mendapat kontrak Kerajaan di bawah nilai ambang digalakkan untuk melaksanakan program PROTÉGÉ, namun tidak tertakluk kepada penetapan 1% daripada nilai kontrak keseluruhan.
 - c) Penetapan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ bagi sesuatu kontrak hendaklah dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{1\% \times \text{Kos keseluruhan projek/perolehan}}{\text{RM24,000}^*}$$

*Elaun PROTÉGÉ sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

- i. Formula penetapan peserta ini telah dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan dan tidak boleh diubahsuai.
- ii. Kuota peserta hanya akan berdasarkan

nombor bulat sebelum titik perpuluhan dan tidak akan dibundarkan.

3.0 INSENTIF KEPADA SYARIKAT

3.1 Insentif Potongan Cukai Berganda (DTD)

- i. Syarikat yang melaksanakan PROTÉGÉ - RTW layak dipertimbangkan insentif di bawah Warta Kerajaan P.U. (A) 260 dan P.U. (A) 53 (**silalah rujuk Lampiran 2**).
- ii. Surat Akuan Insentif akan dikeluarkan kepada syarikat pelaksana.

3.1.1 Syarat Pengeluaran Surat Akuan Insentif

- i. Surat Akuan Insentif akan dikeluarkan selepas proses susulan pelaksanaan di para 5.1 sehingga 5.2 selesai.
- ii. Syarikat tidak membuat tuntutan insentif pengajian pekerja PERKESO.

3.1.2 Tempoh Permohonan

Tempoh permohonan bagi syarikat pelaksana adalah 1 Jun 2012 sehingga 31 Disember 2025.

3.1.3 Tempoh Pelaksanaan

Tempoh pelaksanaan PROTÉGÉ - RTW di syarikat adalah satu (1) tahun dari tarikh surat perakuan oleh Unit PROTÉGÉ dengan tempoh latihan adalah minimum 8 bulan hingga maksima 12 bulan.

- iii. Pelaksanaan Insentif adalah melalui kaedah potongan Cukai Pendapatan (potongan dua kali) seperti berikut:
 - a) Kos elaun bulanan minimum bagi setiap peserta adalah RM1,000 ke atas selama tempoh latihan

(maksimum 12 bulan);

- b) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menyediakan latihan kemahiran insaniah kepada peserta; dan
 - c) Yuran yang dibayar kepada penyedia latihan (*training providers*) untuk menjalankan program kemahiran insaniah bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran peserta.
 - d) Jumlah potongan cukai untuk keseluruhan kos latihan (b) dan (c) tidak boleh melebihi RM 5,000 setiap peserta bagi satu tahun taksiran.
- iv. Syarikat akan diberikan Surat Akuan Insentif yang dikeluarkan oleh Sekretariat (**rujuk di Lampiran 3**).
- v. Sekiranya peserta berhenti awal daripada latihan kerana mendapat pekerjaan lain, diserap oleh syarikat, sambung belajar atau sebab-sebab tertentu, kos latihan yang boleh dituntut melalui insentif ini adalah setakat hari terakhir peserta menjalani latihan di syarikat.
- vi. Hanya syarikat yang didaftarkan, mengeluarkan kos keseluruhan melaksanakan program latihan dan memenuhi syarat sahaja yang dianggap sebagai pemilik program dan layak untuk dipertimbangkan.
- vii. Contoh kos yang layak dituntut seperti berikut:

BIL.	PERKARA	CATATAN
1.	Kelayakan graduan	
	➤ Ijazah Sarjana Muda	Layak
	➤ Diploma	Tidak Layak
2.	Perbelanjaan yang boleh dituntut	
	➤ EIS (caruman peserta)	Tidak Layak
	➤ SOCSO (caruman peserta)	Tidak Layak

**KIT INFORMASI
PROGRAM PROTÉGÉ – RTW**

BIL.	PERKARA	CATATAN
	➤ KWSP (caruman peserta)	Tidak Layak
	➤ EIS (caruman majikan)	Tidak Layak
	➤ SOCSO (caruman majikan)	Tidak Layak
	➤ KWSP (caruman majikan)	Tidak Layak
	➤ Tuntutan kerja lebih masa	Tidak Layak
	➤ Tuntutan elaun kerja luar	Tidak Layak
	➤ Penginapan dan pengangkutan (semasa latihan kemahiran insaniah)	Layak
	➤ Penginapan dan pengangkutan (semasa latihan di tempat kerja)	Layak
	➤ Penginapan dan pengangkutan (semasa kerja luar)	Layak

Contoh Pengiraan DTD

Pelaksanaan Program RTW oleh syarikat ABC Sdn Bhd

Bilangan pengambilan peserta : 5 orang
 Tempoh latihan : 12 bulan
 Elaun bulanan peserta : RM 2,000

1) Kos pembayaran elaun setahun : RM 2,000 x 5 peserta x 12 bulan
 : **RM 120,000**

Perbelanjaan yang ditanggung sepanjang program latihan selama setahun (maksimum RM 5,000 setiap peserta)

2) Kos perbelanjaan setahun : RM 5,000 x 5 peserta
 : **RM 25,000**

Kos perbelanjaan setahun:

Jumlah pembayaran elaun peserta:

RM 120,000 x 2 = **RM 240,000**

Jumlah perbelanjaan latihan kemahiran insaniah:

RM 25,000 x 2 = **RM 50,000**

Jumlah keseluruhan perbelanjaan: RM 290,000

Contoh pengiraan cukai syarikat ABC Sdn Bhd bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2020:

PENDAPATAN KASAR	<u>RM</u>	<u>RM</u>
(Tolak): Kos perbelanjaan / operasi		1,870,000
1) Sewa	48,000	
2) Utiliti	12,000	
3) Gaji pekerja	520,000	
4) Program PROTÉGÉ-RTW	290,000	
		870,000
Pendapatan larasan		1,000,000
Cukai atas pendapatan bercukai – 25%		250,000
CUKAI KENA BAYAR		

3.2 Program JaminKerja – Insentif Penggajian Pekerja (Program Perantisan)

Program JaminKerja - Insentif Penggajian Pekerja

- Merupakan insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu bagi mewujudkan peluang pekerjaan.
- Pengambilan yang dilakukan bermula 1 Januari 2022 layak memohon di bawah JaminKerja.
- Pemohonan dibuka mulai 17 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022 melalui <http://jaminkerja.perkeso.gov.my>

	SYARAT KELAYAKAN	KADAR INSENTIF		TEMPOH INSENTIF	SYARAT GAJI MINIMA & TEMPOH KONTRAK
		BULAN 1 - 6	BULAN 7 - 12		
PERANTISAN	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja berumur 18 - 30 tahun • Jawatan Eksekutif sahaja 	RM900	-	6 bulan	RM1,500 Kontrak 6 bulan
PENCARI KERJA AM	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja berumur 16 - 49 tahun • Menganggur sekurang-kurangnya 60 hari 	20% daripada gaji pekerja	30% daripada gaji pekerja		RM1,500 Kontrak 12 bulan
COLONGAN MUDAH TERDEKAT	<ul style="list-style-type: none"> • Individu menganggur melebihi tempoh 180 hari • Penerima Faedah SIP • Bekas Tentara • Orang Asli • Bekas Banduan / Orang yang diparol • Orang Kurang Upaya (OKU) • Pekerja berumur 50 tahun dan ke atas 	30% daripada gaji pekerja	40% daripada gaji pekerja	12 bulan	RM1,500 Kontrak 12 bulan
WANITA	<ul style="list-style-type: none"> • Menganggur melebihi 6 bulan • Ibu tunggal / suri rumah yang tidak aktif bekerja • Tawaran kerja yang secara fleksibel 				
PEKERJAAN DI BAWAH SEKTOR UTAMA	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerjaan yang di bawah sektor berkaitan Pelancongan 				RM1,500 Kontrak 12 bulan
PENGANTIAN PEKERJA ASING & PEGAWAI DAGANG	<ul style="list-style-type: none"> • Majikan yang mempunyai bukti pengambilan pegawai dagang ataupun pekerja asing dan melaksanakan penggantian dengan pekerja dalam kalangan rakyat Malaysia. 	20% daripada gaji pekerja	30% daripada gaji pekerja		RM1,500 bagi menggantikan pekerja asing dan RM3,000 bagi pegawai dagang Kontrak 12 bulan
BANTUAN MOMLTI		Bayaran sebanyak RM500 secara one-off dibayar terus kepada pekerja.			

*Gaji kasar maksimum RM10,000

MYFutureJobs | www.perkeso.gov.my | 1 300-22-8000 / 03-8091 5300 | <http://iaudumip.perkeso.gov.my/>

4.0 PROSES PENDAFTARAN DAN PELAKSANAAN

4.1 Pendaftaran Syarikat Pelaksana

- Dalam talian di portal PROTÉGÉ <http://protege.gov.my> bagi mewujudkan akaun majikan dalam Program PROTÉGÉ – RTW; atau
- Secara manual melalui e-mel ke protege.rtw@medac.gov.my dengan mengemukakan permohonan lengkap berserta dokumen berikut:
 - Borang Pendaftaran Syarikat (**sila rujuk Lampiran 4**);
 - Salinan Surat Setuju Terima (SST) atau apa-apa surat perjanjian yang membuktikan penerimaan kontrak oleh syarikat daripada Kementerian, Jabatan, Agensi, Syarikat MKD/GLC yang mempunyai maklumat mengenai nilai dan tempoh kontrak;

- iii. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) / Borang 9 / Dokumen setara;
- iv. Profil atau Latar Belakang Syarikat;
- v. Pelan Latihan Pelaksanaan Program (**sila rujuk Lampiran 5 – PP/PK 1.2 atau Lampiran 6 – CSR**); dan
- vi. Dokumen Bukti Bida Tender bagi perolehan baharu (pre-award) (sekiranya berkaitan).

4.2 Manfaat yang wajib disediakan oleh Syarikat Pelaksana

Manfaat yang WAJIB disediakan oleh syarikat kepada peserta program adalah seperti berikut:

- i. Elaun Peserta (Minimum RM2,000.00/ sebulan);
- ii. Cuti Rehat (Sekurang-kurangnya 1 hari dalam tempoh 2 bulan bekerja);
- iii. Cuti Sakit (Sekurang-kurangnya 1 hari dalam tempoh 2 bulan bekerja);
- iv. Caruman Statutori Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) berdasarkan Akta 4 PERKESO;
- v. Caruman Statutori Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berdasarkan Akta 800 PERKESO; dan
- vi. Manfaat Tambahan (sekiranya ada).

4.3 Pengelasan kontrak

4.3.1 Kontrak Biasa dan Harga Kerja Pembina

Kuota peserta yang dikira mengambil kira harga kontrak yang diterima oleh syarikat dan dinyatakan dalam SST.

4.3.2 Kontrak Had Bumbung / Kontrak Mengikut Penggunaan Mengikut Keperluan

Harga kontrak yang dinyatakan dalam SST tidak semestinya diterima sepenuhnya oleh syarikat. Kuota peserta dikira secara *lump sum* berdasarkan harga kontrak namun kuota

peserta akan berubah berdasarkan nilai kontrak yang diterima sepanjang tempoh kontrak. Pengiraan tahun berikutnya adalah berdasarkan bayaran yang diterima pada tahun sebelumnya sehingga tempoh kontrak tamat.

4.3.3 Kontrak Antarabangsa

Kontrak yang diterima oleh syarikat luar negara dan tidak mempunyai syarikat tempatan dalam negara. Syarikat yang menerima kontrak perlu melantik pihak ketiga untuk melaksanakan program.

4.3.4 Kontrak Pecah Kecil (Gabungan)

Kontrak yang diterima oleh perunding utama namun terdapat pecahan kontrak kepada sub perunding lain dalam kontrak yang sama. Kuota peserta dibahagikan bersama sub perunding yang terlibat dalam kontrak tersebut.

4.4 Pengiraan Kuota Peserta

Penetapan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ - RTW bagi sesuatu kontrak hendaklah dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{1\% \times \text{Kos keseluruhan projek/perolehan}}{\text{RM24, 000}^*}$$

*Elaun PROTÉGÉ - RTW sebanyak RM2,000 seorang x 12 bulan. Kuota peserta hanya akan berdasarkan nombor bulat sebelum titik perpuluhan dan tidak akan dibundarkan.

4.5 Penetapan Kuota

Penetapan kuota akan dikemukakan kepada syarikat dalam tempoh 3 hingga 7 hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima.

4.6 Pelan Latihan Program PROTÉGÉ-RTW

Pihak syarikat dikehendaki melengkapkan maklumat di bahagian Pelan Latihan dan memuat naik Pelan Latihan menggunakan templat yang disediakan (**sila rujuk Lampiran 5 – PP/PK 1.2 atau Lampiran 6 – CSR**).

4.7 Kelulusan Pelan Latihan dan Surat Kuning

Kelulusan pelan latihan dan Surat Kuning akan diberikan dalam tempoh 14 hingga 30 hari bekerja sekiranya dokumen didapati teratur, lengkap dan tiada pindaan.

Notifikasi pemakluman akan dihantar ke e-mel wakil syarikat yang didaftarkan.

4.8 Proses Pengambilan Peserta

Proses pengambilan peserta boleh dilakukan selepas Surat Kuning diluluskan. Sekiranya syarikat mengambil peserta tanpa atau sebelum mendapat kelulusan daripada Unit PROTÉGÉ, pengambilan tersebut tidak diiktiraf untuk permohonan Surat Kod Berwarna dan Insentif DTD.

4.8.1 Pengiklanan & Hebahan Tawaran

- i. Syarikat boleh memulakan proses pengiklanan dan hebahan tawaran setelah mendapat kelulusan Sekretariat.
- ii. Syarikat boleh menetapkan kriteria tambahan peserta selain daripada syarat umum peserta yang dinyatakan di para 2.4.2 mengikut kesesuaian jawatan yang ditawarkan. Namun, semua maklumat ini haruslah selari dengan maklumat yang terkandung di dalam pelan latihan yang telah diluluskan.

- iii. Proses pengambilan, promosi dan hebahan tawaran boleh menggunakan sebarang platform bersesuaian.
- iv. Berikut adalah maklumat mandatori yang perlu dinyatakan dengan jelas di paparan iklan / platform yang digunakan :
 - a. Nama, Alamat & Logo Syarikat
 - b. Nama program: PROTÉGÉ Ready To Work (PROTÉGÉ -RTW)
 - c. Jawatan yang ditawarkan (Cth: Eksekutif Akaun)
 - d. Latar belakang pendidikan: (Cth: Ijazah Sarjana Muda Perakaunan)
 - e. Tempoh latihan (rujuk pelan latihan)
 - f. Elaun bulanan (rujuk pelan latihan)
 - g. Caruman Statutori Akta 4 PERKESO (SOCSCO)
 - h. Caruman Statutori Akta 800 PERKESO (SIP)
 - i. Faedah-faedah lain yang disediakan (rujuk pelan latihan)
 - j. Penempatan latihan
 - k. Alamat E-mel
 - l. Cara memohon/ Maklumat sesi temu duga
 - m. Tarikh tamat iklan
- v. Syarikat juga boleh menggunakan platform Portal MyFutureJobs sebagai alternatif bagi mendapatkan calon peserta.

Semakan kelulusan iklan dalam tempoh 3 hari bekerja selepas lengkap.

4.8.2 Saringan, Temu Duga dan Penawaran Latihan

Syarikat boleh menyaring dan menemu duga pemohon graduan untuk mengenal pasti calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Surat Tawaran Latihan hendaklah dikeluarkan kepada peserta yang terpilih sebelum latihan bermula menggunakan nama syarikat yang didaftarkan sahaja dan mengandungi maklumat berikut:

- i. Pelantikan adalah sebagai Peserta Program PROTÉGÉ Ready To Work (PROTÉGÉ-RTW) berserta nama jawatan serta dinyatakan dengan jelas untuk membezakan status lantikan dan tawaran antara peserta dan pekerja;
- ii. Deskripsi tugas bagi setiap peserta seperti mana yang telah diluluskan melalui Pelan Latihan disertakan bersama Surat Tawaran Latihan;
- iii. Tarikh mula, tarikh tamat latihan dan tempoh keseluruhan latihan dinyatakan dengan jelas;
- iv. Elaun bulanan, Caruman PERKESO, Caruman SIP, Cuti Rehat dan Cuti Sakit serta faedah lain yang diberikan dinyatakan dengan jelas (rujuk pelan latihan); dan
- v. Meletakkan klausa kewajipan untuk peserta memberikan sepenuh komitmen dalam menjalani tempoh latihan termasuk latihan kemahiran insaniah (soft-skills) yang disediakan.

Pengeluaran Surat Tawaran Latihan kepada peserta adalah penting sebagai bukti peserta menjalani latihan di syarikat dan sebagai dokumen mandatori bagi tujuan permohonan Surat Kod Berwarna (Biru dan/atau Hijau) dan Insentif DTD.

Hanya syarikat yang didaftarkan, mengeluarkan kos keseluruhan melaksanakan program latihan dan memenuhi syarat sahaja dianggap sebagai pemilik program dan layak untuk dipertimbangkan bagi Surat

Kod Berwarna (Biru dan/atau Hijau) dan Insentif DTD.

Hanya peserta yang berjaya melaporkan diri dan menjalani latihan sekurang-kurangnya satu (1) hari bersama syarikat pelaksana akan dikira bagi memenuhi pengiraan kuota peserta dan permohonan Surat Kod Berwarna (Biru dan/atau Hijau) dan Insentif DTD.

Contoh Surat Tawaran Latihan adalah di **Lampiran 7**.

Surat tawaran yang dikeluarkan oleh syarikat kepada peserta hendaklah menggunakan terma yang sesuai seperti berikut:

TERMA BIASA	TERMA PROTÉGÉ - RTW
Gaji	Elaun Bulanan
Pekerja	Peserta
Ada tempoh percubaan	Tiada tempoh percubaan
Pengesahan tempoh kontrak	Tiada tempoh pengesahan
Pembaharuan tempoh kontrak	Tiada tempoh pembaharuan
Latihan industri (Intern)	Peserta
Pekerjaan (employment)	Pelantikan/Peserta

4.8.3 Pengambilan Peserta

Pengambilan peserta boleh dilaksanakan secara berperingkat mengikut pelan pengambilan yang telah diluluskan atau serentak mengikut kuota peserta yang dipersetujui (**rujuk pelan latihan**).

Peserta yang berjaya dan ditawarkan latihan boleh melaporkan diri seterusnya memulakan latihan di syarikat pelaksana atau mana-mana premis/organisasi

yang dipilih oleh syarikat. Namun begitu, kos latihan, elaun bulanan dan lain-lain kos terlibat adalah di bawah tanggungan syarikat pelaksana yang didaftarkan sebagai pemilik program.

Syarikat Pelaksana dikehendaki untuk mengemukakan senarai nama peserta bagi setiap pengambilan menggunakan templat laporan di **Lampiran 8** berserta salinan Surat Tawaran Latihan yang telah ditandatangani peserta sebagai bukti penerimaan tawaran.

Syarikat pelaksana yang gagal mematuhi unjuran dalam tempoh dua (2) bulan akan diberikan Surat Amaran. Manakala Surat Kod Merah (Gagal Laksana) akan dikeluarkan kepada syarikat sekiranya syarikat tidak membuat sebarang pengambilan sehingga kontrak tamat.

5.0 SUSULAN PELAKSANAAN

5.1 Laporan Pelaksanaan

Terdapat beberapa jenis laporan perlu dikemukakan oleh syarikat sepanjang pelaksanaan PROTÉGÉ - RTW seperti berikut :

No.	Maklumat yang perlu dilaporkan	Indikator tindakan laporan	Templat laporan
1.	Senarai nama peserta yang dilatih	Setelah peserta melaporkan diri dan memulakan program latihan	Lampiran 8 (Rujuk templat untuk panduan penyediaan)

**KIT INFORMASI
PROGRAM PROTÉGÉ – RTW**

No.	Maklumat yang perlu dilaporkan	Indikator tindakan laporan	Templat laporan
2.	Laporan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Insaniah	Setelah selesai pelaksanaan semua modul latihan kemahiran insaniah kepada sebahagian atau keseluruhan peserta yang dilatih	Lampiran 8 Lampiran 9 (rujuk templat untuk panduan penyediaan laporan)
3.	Status terkini pelaksanaan program	Sekiranya terdapat perubahan status peserta atau secara berkala apabila diminta oleh Unit PROTÉGÉ Contoh: Peserta berhenti awal atas sebab mendapat pekerjaan atau diserap masuk	Lampiran 8 (Rujuk templat untuk panduan penyediaan)
4	Senarai dan status peserta terkini untuk permohonan Surat Kod Berwarana dan tuntutan Insentif Potongan Cukai Berganda	i. Setelah selesai pelaksanaan semua modul latihan kemahiran insaniah kepada sebahagian atau keseluruhan peserta yang dilatih; dan ii. Mengikut pusingan tahun taksiran cukai syarikat.	Lampiran 8 dan/atau Lampiran 9 sekiranya tidak pernah dikemukakan (rujuk templat untuk panduan penyediaan laporan)

5.2 Mekanisme Pemantauan Pelaksanaan Program

5.2.1 Pemantauan dan Laporan

Syarikat wajib mengemukakan Laporan Status Pengambilan Peserta pada setiap suku tahun (Mac, Jun, September dan Disember) atau berdasarkan keperluan mengikut pelan pengambilan melalui e-mel protege.laporan@medac.gov.my berdasarkan format yang ditetapkan oleh Unit PROTÉGÉ. Bagi syarikat yang melaksanakan PROTÉGÉ - RTW untuk lebih dari satu kontrak perolehan, laporan perlu dilaksanakan secara berasingan mengikut setiap kontrak yang diterima.

Antara dokumen yang perlu dikemukakan oleh syarikat adalah seperti berikut:

- i. Senarai nama peserta dilatih (**Lampiran 8**);
- ii. Laporan pelaksanaan kemahiran insaniah (**Lampiran 9**) bagi peserta yang belum dilaporkan (sekiranya latihan kemahiran insaniah telah dilaksanakan); dan
- iii. Dokumen sokongan bagi peserta yang telah menarik diri atau ditamatkan awal seperti:
 - a. Surat berhenti latihan; atau
 - b. Surat bukti amaran salah laku disiplin (bagi yang ditamatkan atas alasan masalah disiplin).

5.2.3 Pelaksanaan Sesi Pemantauan

Sesi pemantauan pelaksanaan program PROTÉGÉ - RTW ke atas syarikat pelaksana dilaksanakan melalui salah satu daripada tiga kaedah iaitu sama ada secara

semakan dokumen, virtual atau fizikal. Butiran terperinci adalah seperti berikut:

a) **Pelaksanaan Secara Semakan Dokumen**

Sekretariat akan menyemak semua laporan yang dikemukakan oleh syarikat berdasarkan pelan latihan yang telah diluluskan dan garis panduan pihak PROTÉGÉ. Laporan pemantauan akan dikeluarkan kepada syarikat bagi tujuan pemakluman dan maklum balas (sekiranya ada).

Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Semakan laporan latihan kemahiran insaniah (**Lampiran 9**);
- ii. E-mel susulan laporan latihan kemahiran insaniah kepada syarikat (jika perlu);
- iii. Semakan surat tawaran peserta, surat berhenti latihan dan dll dokumen berkaitan;
- iv. Lampiran 8 : Senarai Pengambilan Peserta;
- v. Laporan pemantauan Program PROTÉGÉ – RTW.

b) **Pelaksanaan Secara Virtual dan Fizikal**

Syarikat diberikan pemakluman awal terlebih dahulu oleh Sekretariat bagi mendapatkan tarikh dan aturan sesi yang bersesuaian. Laporan pemantauan akan dikeluarkan kepada syarikat bagi tujuan pemakluman dan maklum balas (sekiranya ada).

Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Hasil semakan laporan latihan kemahiran insaniah (**Lampiran 9**);

- ii. Sesi Sekretariat PROTÉGÉ bersama wakil syarikat dan penyelia peserta;
- iii. Sesi Sekretariat PROTÉGÉ bersama peserta yang masih aktif; dan
- iv. Laporan pemantauan Program PROTÉGÉ – RTW.

Semakan laporan dan isu penemuan akan dikemukakan kepada syarikat dalam tempoh 14 sehingga 30 hari bekerja selepas dokumen lengkap diterima.

Syarikat perlu mengemukakan pindaan dan/atau maklum balas dalam tempoh 14 hari bekerja dan semakan semula mengambil masa 14 sehingga 30 hari bekerja.

5.2.4 Borang Kaji Selidik Peserta PROTÉGÉ - RTW

Bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan program, pihak PROTÉGÉ akan memberikan pautan Borang Maklum Balas Kaji Selidik Peserta PROTÉGÉ - RTW melalui e-mel dan/atau panggilan telefon kepada peserta yang telah selesai pelaksanaan Latihan Kemahiran Insaniah (*soft-skills*) dan peserta yang berhenti awal dan/atau tamat program.

Borang Maklum Balas Kaji Selidik Peserta PROTÉGÉ - RTW boleh didapati pada pautan:

<https://www.surveymonkey.com/r/RX5ZP9K>

Maklum balas ini akan dimasukkan dalam laporan pemantauan program syarikat pelaksana bagi tujuan penambahbaikan kepada syarikat pelaksana dan pihak PROTÉGÉ. Laporan pemantauan akan dikeluarkan dalam tempoh 14 sehingga 30 hari bekerja selepas menerima maklum balas peserta.

5.3 Pengeluaran Surat Kod Berwarna (Biru dan/atau Hijau) dan Surat Akuan Insentif (DTD)

Pengeluaran Surat Kod Berwarna (Biru dan/atau Hijau) dan Surat Akuan Insentif (DTD) hanya akan dikeluarkan oleh pihak PROTÉGÉ setelah proses susulan pelaksanaan di para 5.1 sehingga 5.2 selesai.

Surat Kod Biru (Sedang Laksana) akan dikeluarkan secara berperingkat (berdasarkan laporan peserta yang telah selesai tujuh (7) modul Latihan Kemahiran Insaniah (soft-skills) (rujuk templat Lampiran 9 untuk panduan penyediaan laporan).


Surat Kod Hijau (Selesai Laksana) akan dikeluarkan setelah semua peserta selesai tujuh (7) modul latihan kemahiran insaniah (soft-skills), lengkap kuota dipersetujui dan peserta telah tamat program.

Surat Akuan Insentif (DTD) akan dikeluarkan mengikut laporan tujuh (7) modul latihan kemahiran insaniah (soft-skills).

Pengeluaran Surat Kod Berwarna (Biru dan/atau Hijau) dan Surat Akuan Insentif (DTD) dalam tempoh 30 hari bekerja sekiranya dokumen didapati lengkap dan tiada pindaan.

6.0 MAKLUMAT TAMBAHAN

6.1 Carta Alir Proses Pelaksanaan Program PROTÉGÉ-RTW:



6.2 Jadual kategori pelaksanaan PROTÉGÉ - RTW:

Kategori	Minimum Tempoh Latihan (bulan)	Minimum Kelayakan Peserta	Minimum Elaun Bulanan (RM)	Insentif	
				Potongan Cukai Berganda	Kelebihan semasa Bida Tender Kerajaan
PP/ PK1.2	8	Ijazah Sarjana Muda	RM 2,000	✓	✓
CSR	8	Ijazah Sarjana Muda	RM 2,000	✓	✓
CSR	8	Ijazah Sarjana Muda	RM 1,500	✓	
CSR	8	Diploma	RM 1,000		

6.3 Surat Kod Berwarna bagi status pelaksanaan PROTÉGÉ - RTW yang dikeluarkan oleh Sekretariat secara berperingkat sepanjang tempoh latihan (rujuk di Lampiran 10):

Kod Warna	Status	Indikator Tindakan
Merah	Tidak melaksanakan program	Sebagai bukti tidak patuh arahan PP/PK1.2 bagi yang berkaitan
Kuning	Selesai pendaftaran	Bukti kelulusan untuk memulakan program
Biru	Sedang melaksanakan program	Bukti sedang melaksanakan program dan selesai pelaksanaan latihan kemahiran insaniah
Hijau	Selesai melaksanakan program	Bukti telah berjaya menyempurnakan program bagi keseluruhan kuota peserta

6.4 Alamat, Telefon, E-mel dan Platform Media Sosial Rasmi:

Alamat Pejabat:

Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
Aras 2, Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya





Telefon:

Hotline Unit PROTÉGÉ	: 03-2935 8989
Urusan Pendaftaran dan Semakan Kontrak	: Ext: 111, 112 dan 113
Semakan dan Kelulusan Pelan Latihan	: Ext: 107
Pengiklanan Poster	: Ext: 113
Pengambilan Peserta	: Ext: 104, 106 dan 205
Permohonan Surat Kod Biru dan Hijau (CSR)	: Ext: 108 dan 208
Permohonan Surat Kod Biru dan Hijau (PP/PK1.2)	: Ext: 207, 208 dan 209
Permohonan Surat Akuan Insentif DTD	: Ext: 105 dan 109
Aduan / Pertanyaan	: Ext: 104

E-mel:

Pendaftaran Syarikat	: protege.rtw@medac.gov.my
Laporan Program	: protege.laporan@medac.gov.my
Pemantauan Program	: audit.protege@medac.gov.my
Aduan Syarikat/Peserta	: protege.aduan@medac.gov.my

Media Sosial Rasmi:

 @protege.my	 @protege_my
 @ protege.my	 @protege_my